



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**KESESUAIAN PROSEDUR KLOZ UNTUK MENGUJI  
PEMAHAMAN BAHASA MELAYU**

**MOHD ZAIN BIN MARZUKI**

**FPP 1998 48**

**KESESUAIAN PROSEDUR KLOZ UNTUK MENGUJI PEMAHAMAN  
BAHASA MELAYU**

Oleh

**MOHD ZAIN BIN MARZUKI**

**Kertas Projek Penyelidikan Yang Dikemukakan Sebagai Sebahagian  
Syarat Untuk Mendapatkan Ijazah Master Sains  
Di Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia**

Mac 1998



## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu saya melafazkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya mengizinkan saya menyiapkan Kertas Projek ini.

Kesempatan ini saya gunakan untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada mereka yang telah menyumbangkan budi dan tenaga bagi menjayakan kertas projek ini.

Kepada En. Mohd Zainuddin bin Hashim selaku penyelia Kertas Projek ini, saya amat terhutang budi atas tunjuk ajar dan nasihat yang telah diberikan oleh beliau bagi menjayakan tugas ini.

Kepada Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Za'ba, saya mengucapkan terima kasih kerana membenarkan kajian ini dijalankan di sekolah beliau dan juga membenarkan pelajar sekolah tersebut dijadikan sampel kajian. Kepada responden kajian, saya juga mengucapkan terima kasih kerana kerjasama yang telah diberikan. Begitu juga pihak Kementerian Pendidikan, khususnya Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) kerana kebenaran yang telah diberikan bagi saya menjalankan kajian.

Kepada allahyarham ibu bapa saya yang menjadi sumber inspirasi, saya pohonkan moga-moga roh mereka sentiasa dalam keampunan Allah. Juga kepada keluarga tersayang, terutama isteri saya, Rohayah yang sentiasa sabar dan memahami diri saya serta anak-anak Siti Nur Hajar, Muhammad Afiq dan Muhammad Hakim, dorongan dan galakan mereka telah memberangsangkan saya untuk menyiapkan tugas ini.

Akhir kata, dengan siapnya Kertas Projek ini, saya berharap sesiapa sahaja yang berminat dengan topik ini dapat memanfaatkannya serta menjadi dokumentasi pendidikan yang berguna.

MOHD ZAIN BIN MARZUKI  
Mac 1998



## SENARAI RAJAH

RAJAH 1	Komponen Utama Dalam Bacaan Gray (1960) .....	3
RAJAH 2	Pertalian Antara Kemahiran Kefahaman Dengan Taksinomi Bloom dan Taksinomi Barrett .....	6

## SENARAI JADUAL

JADUAL 1	Korelasi Antara Ujian Kloz Aneka Pilihan dan Ujian Penempatan .....	41
JADUAL 2	Bilangan pelajar Tingkatan 4 SMKZ 1998 .....	55
JADUAL 3	Bilangan Item Kloz .....	59
JADUAL 4	Bilangan Pelajar Yang Menjawab Ujian Pemahaman Membaca PKNT Dengan Betul .....	64
JADUAL 5	Bilangan Pelajar Yang Menjawab PKNTT Dengan Betul .....	65
JADUAL 6	Min, Varians, Dan Sisihan Piawai Ujian Pemahaman Membaca PKNT dan Ujian Pemahaman Membaca PKNTT .....	66
JADUAL 7	Ujian t Tak Bersandar Ujian Pemahaman Membaca PKNT dan Ujian Pemahaman Membaca PKNTT .....	66
JADUAL 8	Indeks Kesukaran Item Ujian Pemahaman Membaca PKNT .....	68
JADUAL 9	Indeks Kesukaran Ujian Kloz Tidak Tetap.....	70
JADUAL 10	Aras Indeks Kesukaran Item Ujian Pemahaman Membaca PKNT dan Ujian Pemahaman Membaca PKNTT .....	73



JADUAL 11	Indeks Diskriminasi Ujian Pemahaman Membaca PKNT .....	74
JADUAL 12	Indeks Diskriminasi Ujian Pemahaman Membaca PKNTT .....	76
JADUAL 13	Perbezaan Indeks Diskriminasi Item Ujian Pemahaman PKNT Dan Ujian Pemahaman Membaca PKNTT .....	76
JADUAL 14	Pengiraan Sisihan Piawai Butir-Butir Alat Ukur PKNT .....	79
JADUAL 15	Pengiraan Sisihan Piawai Butir-Butir Alat Ukur PKNTT .....	86



## **SENARAI SINGKATAN**

BM	-	Bahasa Melayu
BI	-	Bahasa Inggeris
KR 20	-	Kuder-Richardson 20
PKNT	-	Prosedur Kloz Nisbah Tetap
PKNTT	-	Prosedur Kloz Nisbah Tak Tetap

## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
Penghargaan .....	ii
Senarai Rajah ... ..	iii
Senarai Jadual .....	iv
Senarai Singkatan ... ..	vi
Senarai Kandungan ... ..	vii
Abstrak .....	xii
Abstract .....	xv
BAB 1: PENDAHULUAN .....	1
Pengenalan .....	1
Pernyataan Masalah .....	7
Objektif Kajian .....	12
Soalan Kajian .....	13
Hipotesis .....	14
Kepentingan Kajian .....	15
Batasan Kajian .....	16
Andaian .....	18





Definisi Konsep .....	18
Pemahaman .....	18
Kemahiran Literal .....	18
Kemahiran Penafsiran .....	19
Kemahiran Penilaian Kritis .....	19
Kreativiti .....	20
Prosedur Kloz .....	21
Prosedur Kloz Nisbah Tetap .....	21
Prosedur Kloz Nisbah tak Tetap ...	22
Mengisi Tempat Kosong .....	22
Panjang Ujian .....	23
Memotong Perkataan .....	24
<b>BAB 2 : SOROTAN KAJIAN YANG BERKAITAN .....</b>	<b>27</b>
Pengenalan .....	27
Kecekapan Linguistik Dan Kecekapan Komunikasi .....	28
Penyelidikan Yang Menggunakan Prosedur Kloz .....	32

BAB 3 : KAEDAH DAN TATACARA PENYELIDIKAN .	51
Pengenalan .....	51
Reka Bentuk Penyelidikan .....	53
Populasi Dan Persampelan .....	54
Tempat Kajian .....	56
Pembinaan Prosedur Kloz .....	57
Instrumentasi .....	57
Pemilihan Teks .....	57
Jadual Tadbir Ujian .....	59
Kaedah pengumpulan Data .....	59
Penganalisan Data .....	60
BAB 4 : DAPATAN KAJIAN .....	62
Pengenalan .....	62
Gambaran tentang Ujian Pemahaman Membaca Dan Ujian Pemahaman Membaca PKNTT .....	63
Perbandingan Ujian Pemahaman Membaca PKNT Dengan Ujian Pemahaman Membaca PKNTT .....	66



Tahap Kesukaran Instrumen Ujian Pemahaman Membaca PKNT Dan Ujian Pemahaman Membaca PKNTT .....	68
Indeks Diskriminasi Ujian Pemahaman Membaca PKNT Dan Ujian Pemahaman PKNTT .....	74
Kebolehpercayaan Ujian Pemahaman Membaca PKNT Dan Ujian Pemahaman Membaca PKNTT Dengan Menggunakan Formula Kuder-Richardson 20 (KR 20) .....	79
Ralat Pengukuran Piawai .....	83
<b>BAB 5 : PERBINCANGAN DAN CADANGAN .....</b>	<b>87</b>
Pendahuluan .....	87
Gambaran Tentang Ujian Pemahaman Membaca PKNT dan Ujian Pemahaman Membaca PKNTT .....	88
Perbandingan Antara PKNT Dengan PKNTT .....	89
Tahap Kesukaran Soalan-Soalan Pemahaman Membaca PKNT dan PKNTT .....	90
Kebolehpercayaan ujian Pemahaman Membaca PKNT Dan Ujian Pemahaman Membaca PKNTT .....	93

Implikasi Dapatan Kajian .....	94
Cadangan .....	95
BIBLIOGRAFI .....	98
LAMPIRAN	



Abstrak Kertas Projek Penyelidikan yang dikemukakan kepada Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat keperluan Ijazah Master Sains

KESESUAIAN PROSEDUR KLOZ UNTUK MENGUJI PEMAHAMAN  
BAHASA MELAYU

Oleh

MOHD ZAIN BIN MARZUKI  
Mac 1998

Penyelia : EN. MOHD ZAINUDDIN BIN HASHIM

Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan

Tujuan kajian ini ialah untuk mendapat gambaran tentang prosedur kloz nisbah tetap (PKNT) dan prosedur kloz nisbah tak tetap (PKNTT) sebagai alat mengukur pemahaman membaca dalam Bahasa Melayu (BM). Di samping itu kajian ini juga dijalankan untuk membandingkan perbezaan skor min PKNT dengan skor min PKNTT. Kajian ini juga melihat perbezaan tahap kebolehpercayaan soalan-soalan PKNT dan PKNTT. Sejumlah 100 orang pelajar Tingkatan 4, Sekolah Menengah Kebangsaan Za'ba, Kuala Pilah, Negeri Sembilan telah dipilih untuk kajian ini. Data telah diperolehi dengan mentakbirkan PKNT dan PKNTT. Data kemudiannya dianalisis dan ditentukan tahap kebolehpercayaannya dengan menggunakan kaedah Kuder-Richardson 20 (KR 20).



Hasil dapatan kajian memperlihatkan tahap kefahaman membaca sampel dengan menggunakan (PKNT) dan (PKNTT). Hasil daripada penyelidikan, skor min ujian pemahaman membaca PKNTT (4.46) didapati lebih tinggi daripada skor min ujian pemahaman PKNT (3.71). Namun begitu, dapatan yang diperoleh daripada ujian pemahaman PKNT menunjukkan terdapat lebih banyak pelajar yang berada bawah min (19 orang dalam satu sisihan piawai), berbanding bilangan pelajar yang di atas min (8 orang dalam satu sisihan piawai). Dapatan yang serupa juga diperoleh daripada ujian pemahaman membaca PKNTT, iaitu terdapat lebih banyak pelajar berada satu sisihan piawai di bawah min (44 orang). Dapatan ini menunjukkan terdapat perbezaan antara kedua-dua ujian yang telah dijalankan. Hal ini menunjukkan pemahaman membaca pelajar dengan menggunakan PKNTT lebih baik daripada pemahaman membaca pelajar dengan menggunakan PKNT.

Terdapat perbezaan yang signifikan antara markat yang diperoleh oleh pelajar dalam ujian pemahaman membaca PKNT dan ujian pemahaman membaca PKNTT dengan nilai  $t = 3.61$ ,  $p < .0005$ . Skor yang diperoleh oleh pelajar dalam ujian pemahaman membaca PKNTT lebih tinggi daripada skor yang diperoleh oleh pelajar dalam PKNT.



Untuk menyempurnakan rumus KR 20, analisis item dengan mencari indeks kesukaran serta indeks diskriminasi soal-soal instrumen kajian telah dijalankan. Purata indeks kesukaran PKNT lebih tinggi (Indeks Kesukaran = .44) daripada purata indeks kesukaran PKNTT (Indeks kesukaran = .24). Dapatan ini menyokong dapatan ujian t bersandar yang telah dijalankan.

Kesimpulan yang diperoleh daripada dapatan ini membuktikan bahawa instrumen ujian yang dijadikan bahan tinjauan ini ialah instrumen ujian yang tidak mempunyai indeks kesukaran dan aras pemeringkatan item yang baik.

Analisis menentukan indeks kebolehpercayaan ujian membaca PKNT menunjukkan indeksnyanya ialah .51, manakala indeks kebolehpercayaan ujian membaca PKNTT ialah .45. Kedua-dua indeks ini dianalisis dengan menggunakan rumus Kuder-Richardson 20 (KR 20). Kedua-dua indeks kebolehpercayaan instrumen ujian ini menunjukkan tahap indeks kebolehpercayaan yang sederhana. Berdasarkan indeks kebolehpercayaan ujian pemahaman membaca PKNT dan ujian pemahaman membaca PKNTT, didapati ujian pemahaman membaca PKNT mempunyai Indeks Kebolehpercayaan yang lebih tinggi (KR 20 = .51) daripada Indeks Kebolehpercayaan ujian pemahaman membaca PKTT (KR 20 = .45).

Abstract of the project paper research submitted to Universiti Putra  
Malaysia in partial fulfilment of the requirement for the Degree of  
Master of Science

THE SUITABILITY OF CLOZE PROCEDURE IN THE TESTING OF  
BAHASA MELAYU COMPREHENSION

By

MOHD ZAIN BIN MARZUKI

Mac 1998

Supervisor : EN. MOHD ZAINUDDIN BIN HASHIM

Faculty : Educational Studies

The purpose of this research is to understand the types of cloze procedures used in the evaluation of reading comprehension in Bahasa Melayu articles. The kinds of procedures used are the deletion of fixed ratio of words {FRCP} and the deletion of any suitable words {NFRCP}. Another purpose is to compare the differences in the mean score of the stated procedures. At the same time, the differences in the reliabilities of the questions used for FRCP and NFRCP were also determined. A total of 100 Form 4 students from Sekolah Menengah Kebangsaan Za'ba, Kuala Pilah, Negeri Sembilan were chosen for this study. Data was collected using the procedures above. The Kuder-Richardson 20 (KR-20) formula was used to determine the reliability of the two cloze procedures.





The results of the findings revealed that the understanding level of the students in reading, using FRCP and NFRCP. From the findings it shows that the mean score of NFRCP was higher (4.46) than the mean score of FRCP (3.71). The findings of FRCP showed that there were more students below the mean (19 in one standard deviation) compared to the number of students above the mean (8 in one standard deviation). The same reading was found in NFRCP, where there were more students in one standard deviation below the mean (44 students). The findings showed that there were differences in the score of the two tests administered. This shows that the reading comprehension using NFRCP was better than the reading comprehension using FRCP.

There was a significant difference in the score obtained by the students in the reading comprehension tests. The score obtained by NFRCP was significantly higher compared to the score obtained by FRCP,  $t = 3.61$ ,  $p < .0005$ . The score obtained by the students in the reading comprehension using the NFRCP procedure was higher than the score obtained by the students in the reading comprehension using FRCP procedure.



The item analysis was carried in the tests by finding out the index of difficulty and the index of discrimination. The average index of difficulty for FRCP (.44) was higher than the average index of difficulty for NFRCP (.24). These findings support the results of the t test carried out earlier.

From the findings, it can be concluded that the instruments used in the reading comprehension did not have good index of difficulty and item level.

The index of reliability of the reading comprehension of FRCP was .51, where else the index of reliability of the reading comprehension of NFRCP was .45. Both cloze procedures were found to have a moderate index of reliability. The results of the findings revealed that the index of reliability of the reading comprehension of FRCP was higher (KR 20 = .51) than the index of NFRCP (KR 20 = .45).



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **Pengenalan**

Sejak dahulu lagi, beberapa pandangan tentang konsep membaca telah dibincangkan. Membaca merupakan proses mekanikal dalam menghasilkan semula bunyi yang dilambangkan oleh simbol-simbol tertentu di atas kertas yang bercetak (Yaokum,1955). Beliau seterusnya menjelaskan, membaca merupakan satu proses yang melibatkan pelbagai jenis aktiviti yang kompleks. Pertamanya, membaca memerlukan perhubungan yang betul antara makna dengan simbol-simbol perkataan. Keadaan ini kemudiannya diikuti dengan persepsi pembaca dan seterusnya cuba mengenal pasti makna, manakala minda pula akan mencari

makna yang sesuai. Akhirnya makna yang betul akan dipilih dan difahami. Inferensi daripada makna juga akan digeneralisasikan untuk pemahaman pada masa akan datang.


Gray (1956:60), melihat membaca dari sudut yang berbeza. Kefahaman membaca menurut beliau ialah salah satu proses dalam membaca. Menurut beliau lagi, proses bacaan boleh dibahagikan kepada empat bahagian (RAJAH 1). Bahagian-bahagian ini berkaitan dan mempunyai hubungan antara satu dengan yang lain. Keempat-empat bahagian ini berjalan serentak kerana bacaan merupakan unit perlakuan. Yang pertama ialah kefahaman. Definisi kefahaman yang dikemukakan oleh Gray terdiri daripada tiga tahap, iaitu:

1. kefahaman literal; pembaca faham dengan jelas apa-apa yang dibaca dari segi makna dan idea-idea,
- 2 menentukan tafsiran makna-makna daripada bacaan, dan
- 3 fokus kepada implikasi dan signifikan idea-idea pengarang yang tidak terhad kepada apa-apa yang dinyatakan di dalam buku.

ketiga-tiga tahap tersebut diterangkan oleh Gray sebagai “ability to read the lines, to read between the lines, and to read beyond the lines.

### RAJAH 1

*Komponen Utama Dalam Bacaan (Gray, 1960)*



Berkaitan dengan ini, Gray (1956) juga pernah mendefinisikan kefahaman yang tidak sahaja melihat makna yang ingin disampaikan oleh pengarang tetapi mengaitkannya dengan pengalaman dan nilai-nilai semasa pembaca untuk memperkaya makna literalnya.

Bahagian kedua proses bacaan ialah tindak balas terhadap apa-apa yang dibaca. Aspek bacaan menurut beliau, berdasarkan sikap ingin tahu, cara mencapai rumusan tertentu, kriteria penilaian, dan respon emosi seseorang pembaca terhadap isi bacaannya.

Manakala bahagian ketiga ialah lakaran atau asimilasi antara idea-idea baru dengan idea-idea yang lama. Gray menerangkan bahawa idea-idea ini diperoleh melalui penilaian yang kritis, pemikiran yang kreatif dan gabungan maklumat-maklumat yang didapati daripada bacaan dengan pengalaman-pengalaman yang dipunyai oleh pembaca.

Bahagian-bahagian kedua dan ketiga dalam model proses bacaan Gray ini tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dengan peringkat ketiga dalam kefahaman, malah mempunyai persamaan dengan definisi kefahaman yang dikemukakan oleh Gray (1956).

Dengan ini jelaslah bahawa kefahaman membaca ialah satu proses yang penting dalam bacaan. Gray menekankan pemahaman membaca adalah berkaitan dengan makna.

Seterusnya Reid (1981) berpendapat pemahaman membaca adalah sangat penting untuk pelajar-pelajar menjadi pembaca seumur hidup kerana mereka dapat memahami maklumat dan menghayati apa-apa yang dibaca. Hal ini akan mendorong pembaca untuk mendapat lebih banyak maklumat dan penghayatan melalui bacaan seterusnya.


Menurut Reid (1981) lagi, seseorang pembaca tidak hanya menggunakan satu kemahiran pemahaman pada suatu ketika, tetapi memerlukan beberapa kemahiran yang digunakan serentak. Keadaan ini tidak pula bererti semuanya diperlukan pada suatu ketika. Seorang pelajar mungkin memerlukan kemahiran literal dan penafsiran sewaktu membaca sesebuah petikan, tetapi tidak memerlukan kemahiran penilaian kritis dan kreativiti pada ketika itu. Tegas beliau adalah menjadi tanggungjawab guru mengajar kemahiran pemahaman membaca satu persatu kepada pelajar dan

mempastikannya mendapat kemahiran tersebut dan memahami apa-apa yang dibaca.

Kempat-empat peringkat Komponen Bacaan Gray (1960) ini boleh dipadankan dengan kelas-kelas kognitif Bloom (1966) dan Barrett (dalam Crymer, 1968), kerana kemahiran kefahaman juga merupakan kemahiran berfikir (RAJAH 2)

## RAJAH 2

### *Pertalian Antara Kemahiran Kefahaman dengan Taksinomi Bloom dan Taksinomi Barret*



Clymer (1968) seterusnya telah menyatakan bahawa definisi bacaan yang dibuat oleh seseorang guru itu akan mempengaruhi



setiap tindakan yang diambil di dalam kelas. Memandangkan hubungan yang rapat antara pemahaman dan bacaan sudah tentu definisi pemahaman membaca di kalangan guru akan mempengaruhi pendekatan pengajaran pemahaman membaca. Oleh itu wajarlah guru-guru didedahkan tentang definisi dan setiap aspek pemahaman membaca dengan seluas-luasnya.

### **Pernyataan Masalah**

Untuk menguji beberapa aspek pemahaman dalam sesuatu teks, bentuk ujian yang paling popular dalam sistem pendidikan Malaysia ialah ujian yang memerlukan jawapan objektif aneka pilihan. Ujian membaca seperti ini dikritik sebagai agak sukar dibina dan juga tidak mencerminkan aktiviti membaca sebagai suatu proses yang berterusan. Kebanyakan penyelidik berpendapat pendekatan psikolinguistik lebih sesuai untuk menguji kefahaman dalam membaca. Strategi dalam pendekatan ini ialah prosedur kloz (Taylor, 1953).